

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM (BALING)**

TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 45

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk mengelakkan amalan monopoli sesebuah syarikat dalam penyediaan perkhidmatan pusat saringan COVID-19 kepada para penumpang pesawat yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang telah mengenakan harga yang tinggi kepada pengguna yang akhirnya akan membebankan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 28 Mei 2021 telah melantik syarikat BP Lab Sdn. Bhd. untuk menyediakan ujian saringan COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai alternatif kepada para penumpang, selain daripada kemudahan ujian saringan COVID-19 yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelantikan syarikat swasta ini merupakan salah satu usaha pihak MAHB untuk membantu mengurangkan kesesakan dan masa menunggu penumpang di KLIA bagi mendapatkan keputusan ujian saringan COVID-19 setelah pintu sempadan dibuka sepenuhnya kelak.

2. Dalam hubungan ini, bagi mengelakkan amalan monopoli sesebuah syarikat dalam penyediaan perkhidmatan pusat saringan COVID-19 kepada para penumpang pesawat yang mendarat di KLIA, pihak MAHB telah mula melaksanakan proses tender secara terbuka bagi melantik pengendali kedua di lapangan terbang tersebut. Pelantikan pengendali kedua dijangka dapat diselesaikan pada suku pertama tahun 2022.

3. Pengenaan caj ujian saringan dibuat berasaskan kepada kos operasi dan pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat yang berkaitan mengambilkira caj-caj yang telah dikenakan di lapangan terbang serantau. Dalam hubungan ini, caj yang dikenakan adalah munasabah dan berpatutan.

Sekian, terima kasih.